

GAMBARFOTO BERITA: SATU PERBANDINGAN DI ANTARA  
NEW STRAITS TIMES DAN UTUSAN MALAYSIA

NIRMALA DEVI



**ARKIB**

rb  
f AC895  
M22N722  
1983

GAMBARFOTO BERITA: SATU PERBANDINGAN DI ANTARA  
NEW STRAITS TIMES DAN UTUSAN MALAYSIA

Oleh  
Nirmala Devi

Latihan ilmiah untuk memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat  
Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian

Universiti Sains Malaysia

1983

KEPADA:

Mama & Papa

## KATA PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih saya tujukan kepada semua pihak yang telah membantu dalam menjalankan kajian ini.

Penghargaan dan setinggi terima kasih kepada Encik Mustapha Kamal Anuar sebagai penyelia saya kerana kegigihannya untuk membimbing dan memberi penilaian yang kritikal di samping tunjuk ajar. Beliau juga telah menjadi kawan saya semasa saya perlukan bantuan dan galakan apabila saya menjalankan latihan ilmiah ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Sidang Pengarang dan Ketua Jurugambar di New Straits Times dan Utusan Malaysia.

Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada Cynthia, Roy dan Selva yang sentiasa berada di situ apabila saya perlukan galakan dan bantuan semasa kajian ini dijalankan.

Ucapan terima kasih saya tujukan kepada Winston dan Atique yang telah membantu saya menggunakan komputer untuk menyelaraskan data kajian ini.

Nirmala  
Taman Midah, Cheras,  
Kuala Lumpur.

## SINOPSIS

Kajian ini melibat gambarfoto berita di dua buah akhbar yang terkemuka di Malaysia: New Straits Times dan Utusan Malaysia. Kajian ini bercorak eksploratory kerana hingga setakat ini masih belum lagi satu kajian yang dibuat dibidang ini.

Untuk memenohi tujuan latihan ilmiah ini kajian ini, saya telah membuat kajian perbandingan dari beberapa aspek di antara dua buah akhbar tersebut. Pertamanya, jenis gambarfoto, kedua pembahagian gambarfoto dan juga saiz variasi gambarfoto diambil berat. Saiz sampel kajian surat khabar adalah 45 akhbar New Straits Times dan Utusan Malaysia masing-masing.

Kajian ini dibahagikan kepada beberapa bab yang dengan tersendiri menggambarkan aspek-aspek tertentu. Melalui setiap bab yang disediakan saya harap tujuan kajian ini dapat dicapai.